



“JADILAH GOLONGAN YANG SEDIKIT”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ</p>	<p>2</p>
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	<p>3</p>
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	<p>4</p>
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian, marilah kita perkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	<p>5</p>
<p>Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “JADILAH GOLONGAN YANG SEDIKIT”.</p> <p>Hadirin yang berbahagia,</p>	<p>6</p>
<p>Sebagai umat Islam, kita dituntut agar mensyukuri segala nikmat Allah SWT terutamanya nikmat iman dan Islam. Usahlah sesekali terpesong akidah dengan mempertikai atau mengatakan tidak memperoleh rezeki sedangkan Allah SWT mengurniakan rezeki yang mencurah-curah kepada kita sama ada dalam bentuk kesihatan, kebahagiaan, ketenangan dan keselamatan daripada sebarang malapetaka.</p>	<p>7</p>
<p>Firman Allah SWT dalam surah Faatir ayat 3:</p> <p>يَأَيُّهَا النَّاسُ اذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ هَلْ مِنْ خَلْقٍ غَيْرِ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ ۝</p>	<p>8</p>



<p><i>"Wahai umat manusia, kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu; tidak ada sama sekali yang menciptakan sesuatu selain daripada Allah. Dia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)?"</i></p>	9
<p>Sesungguhnya sifat syukur akan melahirkan umat Islam yang benar-benar berkualiti, berakhlak, berintegriti, dan berketerampilan. Maka kita perlu terus menerus berusaha meningkatkan amalan dari semasa ke semasa dengan bekerja bersungguh-sungguh agar pekerjaan yang dilakukan mendatangkan keberkatan di sisi Allah SWT serta rezeki yang melimpah ruah.</p>	10
<p>Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 105:</p> <p>وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ١٠٥</p>	11
<p><i>"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan."</i></p>	12
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Rasulullah SAW mengajar kita supaya mudah mensyukuri nikmat Allah SWT dengan memerhatikan orang yang lebih rendah daripada kita dari sudut akal, keturunan, harta dan nikmat-nikmat yang lain. Baginda melarang seseorang Islam hanya melihat kepada orang yang di atasnya sahaja, sebagai contoh, kita sering menanam impian ingin menjadi orang yang hidup mewah dan kaya seperti orang lain. Dalam pada kita hanya mampu hidup dengan menyewa sebuah rumah sahaja, walaupun demikian keadaannya, bersyukurlah kerana masih ada keluarga lain yang tidak memiliki tempat tinggal bahkan mereka hanya tidur beratapkan langit sahaja.</p>	13
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>أَنْظِرُوا إِلَىٰ مَنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَلَا تَنْظُرُوا إِلَىٰ مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزِدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ</p>	14



<p>“Lihatlah kepada orang yang lebih rendah daripada kamu dan janganlah kamu melihat kepada orang yang berada di atas kamu kerana yang demikian itu lebih patut bagi kamu supaya kamu tidak meremehkan nikmat Allah yang dianugerahkan kepada kamu.”</p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	15
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Kita dianjurkan untuk sentiasa bersikap <i>qana'ah</i> iaitu menerima seadanya apa yang diberikan oleh Allah SWT atau merasa puas ke atas bahagiannya yang diperolehi setelah berusaha. Orang yang mempunyai sifat <i>qana'ah</i> tentunya tidak akan dipengaruhi oleh sifat tamak haloba terhadap apa yang dimiliki oleh orang lain. Sifat <i>qana'ah</i> mengandungi sifat positif yang antaranya ialah menerima apa yang terjadi, realistik (nyata), dinamik atau bersemangat, merasa tenang, jiwa yang stabil, optimis, dermawan, tawakal dan selalu bersyukur atas nikmat Allah SWT.</p>	16
<p>Manakala dalam perkara-perkara ibadah dan amal soleh, kita disuruh untuk mengikuti orang yang baik amalannya. Kita juga dituntut untuk bersegera dan berlumba-lumba melalukan perkara kebajikan. Ambil contoh teladan Nabi SAW, walaupun telah dijanjikan syurga pun baginda SAW masih melakukan ibadah solat sunat malam hingga bengkak-bengkak kakinya.</p>	17
<p>Ketika ditanya oleh Saiyidatina Aisyah Radhiallahu Anha mengapakah baginda masih bersusah payah melakukan amalan sedemikian walaupun dosa Nabi yang lalu bahkan yang akan datang telah diampunkan oleh Allah SWT? Lantas Nabi menjawab:</p> <p style="text-align: center;">أَفَلَا أُحِبُّ أَنْ أَكُونَ عَبْدًا شَكُورًا.</p> <p>“Apakah aku tidak boleh menjadi hamba Allah yang bersyukur?”</p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	18
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Seseorang hamba yang bersyukur adalah hamba yang mengucapkan lafaz ‘<i>Alhamdulillah</i>’ dengan lisannya. Perkataan ‘<i>Alhamdulillah</i>’ adalah merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa arab yang bermaksud ‘segala puji bagi Allah’. Dengan ucapan ‘<i>Alhamdulillah</i>’ ini, ia bermakna seseorang itu telah memuji Allah SWT dan secara tidak langsung seseorang itu telah bersyukur kepada-Nya.</p>	19



<p>Kebaikan mensyukuri nikmat Allah SWT ialah kita akan mendapat keberkatan hidup di dunia dan juga di akhirat. Segala nikmat yang dimiliki akan membuat kita berasa cukup dan mendapat ketenangan hati apabila kita menghargai setiap kurniaan Allah.</p>	20
<p>Namun hakikatnya manusia kadang-kadang terlalai dan alpa dengan nikmat yang dikecapi, bahkan sangat sedikit dalam kalangan hamba-hamba Allah SWT yang bersyukur.</p>	21
<p>Allah SWT telah mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam surah Ibrahim ayat 7:</p> <p>وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ۝</p>	22
<p><i>“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”</i></p>	23
<p>Oleh yang demikian, sebagai bukti kita bersyukur atas nikmat Allah SWT, kita hendaklah sentiasa meningkatkan amalan-amalan kita seperti berzakat, memperbanyakkan solat-solat sunat, menginfakkan harta dengan berwakaf dan bersedekah. Begitu juga dengan sentiasa merasakan bahawa hanya dengan inayah dan tawfik daripada Allah SWT kita dikurniakan kekuatan untuk melaksanakan segala amal ibadah. Maka segala amalan yang dilakukan itu boleh dijadikan sebagai tanda nikmat kurniaan Allah SWT.</p>	24
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِذَا أَنْعَمَ عَلَى عَبْدٍ نِعْمَةً. يُحِبُّ أَنْ يَرَى أَثَرَ النِّعْمَةِ عَلَيْهِ <i>“Sesungguhnya apabila Allah mengurniakan sesuatu nikmat kepada hamba-Nya. Maka Allah suka agar nikmat itu tampak kesannya pada diri hamba itu”.</i> <i>(Riwayat al-Baihaqi).</i></p>	25



<p>Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan yang bertambah keimanan dan ketakwaan serta mendapat keberkatan. Jangan sesekali bersikap bangga diri dan sombong dengan nikmat yang dimiliki kerana kita bukanlah pemilik mutlak nikmat tersebut dan bila-bila masa sahaja Allah SWT boleh menarik semula nikmat tersebut dan kita akan termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak bersyukur dan golongan yang dicela oleh Allah SWT.</p>	26
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati tiga rumusan utama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam wajib bersyukur di atas nikmat iman dan Islam serta nikmat-nikmat yang lain. 2. Umat Islam hendaklah bersikap <i>qana'ah</i> dengan menerima seadanya apa yang diberikan oleh Allah SWT atau merasa puas ke atas bahagiannya setelah berusaha dan bertawakal. 3. Umat Islam hendaklah sentiasa menjadi orang yang bersyukur agar dilimpahkan pelbagai nikmat dan rahmat daripada Allah SWT. 	27
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْفُلُوكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الْأَنْهَارَ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمْ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ۗ وَعَاتَلَكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا ۗ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ۗ</p>	
<p><i>"Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Ibrahim : 32-34).</i></p>	



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	28
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Islam Jamaah.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۚ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18